

# 15 keluarga terjejas banjir

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

**KAPAR** - Seramai 15 keluarga terjejas selepas Kampung Tok Muda, Kapar dilanda banjir, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Tok Muda, Masfangi Ahmad berkata, kejadian banjir itu berpunca daripada kejadian ban pecah dan fenomena air pasang besar yang melanda kampung berkenaan.

"Kejadian banjir berlaku sejak tiga hari lalu, berpunca akibat fenomena air pasang besar yang sebabkan benteng penahan air pecah dan mengakibatkan kawasan perumahan sekitar dinaiki air setinggi tiga kaki.

"Akibat banjir ini, banyak harta benda seperti alatan elektrik dan tanaman seperti kelapa sawit dan tebu terjejas.

"Buat masa ini, saya sedang mendapatkan jumlah anggaran kerugian daripada setiap keluarga yang terlibat sebelum melaporkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Menurutnya, aduan sudah dibuat kepada pejabat daerah dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenai perkara itu.

"Penduduk juga diingatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga sejak semalam (kelmarin) sebab berkemungkinan kejadian itu akan berlaku lagi.

"Pihak bomba dan JPAM juga sudah bersiap-sedia jika kejadian sama berlaku lagi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JKKKP Kampung Sungai Serdang, Osman Selamat turut meluahkan kerisauan terhadap risiko limpahan banjir ini melarat ke Sungai Serdang yang bersebelahan dengan Kg Tok Muda.

"Saya harap pihak berwajib dapat segera menangani masalah ban ini dan dapat menggantikan benteng yang lebih kukuh," ujarnya.

**FENOMENA AIR PASANG BESAR**

**SEMENTARA** itu di SABAK BERNAMA;

Beberapa kawasan di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) Sungai Lang, di sini, ditenggelami air sedalam 0.3 meter hingga 0.9 meter berikutan kejadian fenomena air pasang besar, sejak semalam.

Pengarahnya, Norehan Md Shariff berkata, beberapa tempat di PSIS digenangi air antaranya di kawasan padang, asrama pelajar dan kuarters kakitangan.

Beliau berkata, kejadian fenomena air pasang itu disifatkan paling buruk berlaku di politeknik yang menempatkan seramai 4,600 penuntut itu berbanding tahun sebelumnya.

"Sebelum ini ada juga berlaku banjir (fenomena air pasang besar) tapi tidaklah seteruk yang berlaku hingga mengakibatkan beberapa kawasan terjejas," katanya.

Norehan memberitahu, kejadian itu berlaku berikutan fenomena air pasang besar luar biasa yang menyebabkan paras air laut lebih tinggi daripada ban (ben-

teng) sehingga air laut melimpah masuk ke kawasan politeknik dan kawasan sekitar.

"Situasi banjir yang berlaku sekitar jam 5 pagi bagaimanapun beransur surut menjelang 8.30 pagi tadi (semalam).

"Keadaan ini tidak menjejaskan sesi kuliah dan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan seperti biasa," katanya.

Beliau memberitahu, sehingga kini, pihaknya tidak menerima sebarang laporan kerosakan daripada kakitangan dan penuntut berikutan kejadian fenomena air pasang yang melanda PSIS.

"Pihak kami akan terus memantau keadaan banjir dan mengambil langkah keselamatan yang sewajarnya memandangkan kejadian air pasang besar dijangka akan berlaku lagi pada awal pagi esok (hari ini)," ujarnya.

Sementara itu, penduduk di Sungai Lang, di sini, turut menerima kesan fenomena air pasang besar yang dikaitkan dengan gerhana bulan penumbra semalam apabila beberapa kawasan dibanjiri limpahan air laut.

Seorang peniaga kedai makan, Saiful Azhar Bakri, 46, berkata, kejadian pada kira-kira jam 5.30 pagi itu menyebabkan kedai makan yang diusahakannya di kampung itu dibanjiri limpahan air laut sedalam kira-kira 0.6 meter.

"Saya terkejut bila tengok kedai makan dah dibanjiri air mesin ketika datang ke kedai untuk memulakan operasi kira-kira jam 8.30 pagi," katanya.

Menurutnya, kejadian limpahan banjir air laut itu disebabkan fenomena air pasang besar yang luar biasa dan jarang melihat banjir di lokasi perniagaannya.

"Saya baru setahun lebih berniaga di sini. Setahu saya, inilah kali pertama kedai ini dibanjiri air laut termasuk bilik operasi Pasukan Gerakan Am (PGA) dan pejabat Rela yang terletak sederet dengan kedai saya," katanya.

Saiful Azhar yang menetap di Kampung Parit Baharu memberitahu, dia mengalami kerugian kira-kira RM3,000 selepas beberapa peralatan elektrik di kedainya rosak antaranya dua peti ais dan mesin pengisar," katanya.

## 13 kawasan terlibat banjir

**SHAH ALAM** - Sebanyak 13 kawasan di lima daerah di Selangor dilanda banjir akibat limpahan air laut berikutan fenomena air pasang besar, awal pagi kelmarin.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata setakat ini, keadaan banjir sudah reda di kesemua kawasan berkenaan setelah air surut sejak tengah hari semalam.

Beliau berkata, kejadian itu tidak memerlukan pemindahan mangsa dan tiada kemalangan jiwa.

Kawasan yang terjejas akibat fenomena air pasang besar itu ialah Kampung Tok Muda, Kapar dengan paras ketinggian air 100 hingga 250 milimeter (mm); Taman Maznah, Klang (50 hingga 250 mm) dan Taman Selat Selatan, Klang (50 hingga 200 mm).

Selain itu, kawasan Sementa, Klang turut ditenggelami air dengan ketinggian 50 hingga 200 mm; Kampung Sungai Pinang, Klang (900mm); Kampung Tok Muda, Pulau Indah, Klang (900 mm); Jalan Klang-Banting, Pandamaran (900 mm) dan Taman Selat Damai, Pelabuhan Klang (900 mm).



Masfangi dan Osman ketika melihat paras air mula melimpah di kawasan kunci tali air.



Kawasan jeti nelayan mula ditenggelami air ketika tinjauan Sinar Harian.